

Peruntukan negeri, kebajikan rakyat tetap dinaikkan

31 AUG 2025
BERITA HARIAN

mp:4

Serdang: Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata walaupun kerajaan menurunkan defisit fiskal setiap tahun bagi mengurangkan beban hutang negara, peruntukan untuk negeri dan kebajikan rakyat tetap dinaikkan.

Perdana Menteri berkata, terdapat segelintir pihak yang memandang remeh apabila beliau menyatakan bahawa kerajaan MADANI pimpinannya mewarisi hutang yang tinggi, iaitu lebih RM1 trilion, sedangkan itu adalah hakikat.

Beliau berkata, kedudukan hutang itu menuntut kerajaan melaksanakan defisit fiskal secara berfasa, daripada 5.6 peratus pada tahun pertama mengambil alih kuasa pada 2022 kepada 3.8 peratus pada tahun ini.

“Ada orang mual dan benci bila saya sebut kita warisi hutang negara lebih RM1.5 trilion. Itu kenyataan. Biasa (kata mereka), apa biasa? Apakah anak mampu bayar jika hutang (meningkat), RM1.5, RM1.7, RM1.8 trilion? Tidak mampu. Sebab itu, tatakelola harus ikut beberapa landasan.

“Jika negara nak dipertahankan kemakmurannya dan unjuran pertumbuhan itu kekal, keyakinan pelaburan asing dan domestik kekal, maka kita kena turunkan defisit.

“Bagaimanapun, dalam masa kita turunkan defisit, gaji dan perbelanjaan bagi semua negeri itu naik, termasuk negeri yang dikuasai oleh pembangkang tetapi apa yang diwiridkan? (didakwa) zalim, menindas kami.

“Saya beri angka di Parlimen, (pembangkang) tidak bangkit soalan. Saya kata, semangat kita semangat perpaduan, kita ada mandat jaga negara, semuanya, Semenanjung, Sabah dan Sarawak,” katanya di sini, semalam.

Sementara itu, Perdana Menteri menggesa semua penjawat awam supaya terus bekerja keras dengan penuh berdisiplin dan berintegriti walaupun berdepan pelbagai cabaran.

Katanya, pelbagai program MADANI yang dirangka kerajaan perlu dilaksanakan dengan berkesan, membabitkan ekonomi, pendidikan, kesihatan dan sosial yang akan memberi manfaat besar kepada rakyat.

“Kita harus terus kerja sebagai satu pasukan. Jaga perpaduan, tingkatkan semangat, selamatkan negara kita. Jaga supaya negara ini terpelihara daripada segala usaha di luar kerana ramai yang cemburu.

“Percayalah, ramai yang cemburu dengan Malaysia. Keamanan, kejayaan dan kemakmuran kita. Pertahankan dengan segala tenaga kita,” katanya.